

SOALAN – SOALAN LAZIM GERAN KANDUNGAN DIGITAL PRISMA (DCG PRISMA)

Apakah itu DCG PRISMA?

DCG PRISMA merupakan program yang menawarkan geran dilaksanakan dalam tempoh 3 - 6 bulan untuk membantu pemain industri kreatif tempatan menghasilkan harta intelek baharu dan menarik, melaksanakan pemasaran digital dan aktiviti - aktiviti pengedaran harta intelek.

Apakah skop projek dan jenis geran yang terdapat dalam DCG PRISMA 2022?

Perincian skop projek dan kategori – kategori adalah seperti di bawah

Skop Projek	Jenis Geran dan Jumlah Geran	
	Pembangunan & Produksi	Eksploitasi IP & Pemasaran Digital
Animasi	RM 50 ribu untuk menghasilkan Filem Animasi Pendek / Episod Pilot / PSA / Sizzle Trailer dalam masa 6 bulan	RM50 ribu untuk menghantar bahan-bahan pemasaran dan melaksanakan pelan pemasaran dalam tempoh 6 bulan
Media Interaktif	RM 50 ribu untuk menghasilkan Permainan Digital atau Media Interaktif yang lengkap (Demo, Kandungan Yang Boleh Dimuat turun) dalam masa 6 bulan	
Komik Digital	RM 15 ribu untuk menghasilkan Komik Digital atau Komik Motion lengkap (Minimum 44 halaman / 264 kolom komik	

	digital) dalam masa 3 bulan
--	-----------------------------

Apakah kriteria kelayakan untuk memohon geran ini?

Bil.	Kriteria Kelayakan
1.	<p>(a) Syarikat</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Diperbadankan Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 atau Akta Syarikat 2016(ii) Aktif dan minima 51% ekuiti dimiliki rakyat Malaysia <p>OR</p> <p>(b) Perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Syarikat 1956(ii) Aktif dan minima 51% dimiliki oleh rakyat Malaysia <p>OR</p> <p>(c) Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012(iii) Aktif dan minima 51% dimiliki oleh rakyat Malaysia
2.	<p>Bukan subjek penggulungan syarikat dan tidak ada masalah berterusan*. (*Jika pemohon mengalami masalah usaha berterusan seperti yang dilaporkan dalam akaun terbaru mereka yang diaudit, pemohon harus mengemukakan surat akujanji oleh pemegang saham dan / atau pengarah syarikat pemohon, sekiranya permohonan mereka diluluskan bagi pemohon melaksanakan tanggungjawabnya di bawah terma & syarat yang akan dikeluarkan oleh MDEC serta memberikan sokongan kewangan kepada pemohon untuk membolehkan pemohon memenuhi tanggungjawab dan / atau liabiliti di bawah terma & syarat).</p>
3.	<p>Pengarah/pemegang saham syarikat mengisytiharkan dan mendedahkan jika terdapat sebarang hubungan perniagaan/hubungan kekeluargaan yang rapat dengan mana-mana pengarah atau pekerja MDEC.</p>
4.	<p>Pengarah/pemegang saham syarikat untuk mengisytiharkan jika mereka berada di bawah sebarang litigasi.</p>

5.	Pengarah/pemegang saham syarikat untuk mengisytiharkan dan mendedahkan jika tersenarai sebagai pesalah rasuah di SPRM.
6.	Syarikat yang mempunyai pemegang saham biasa hanya boleh mengemukakan satu permohonan untuk geran yang dipohon dalam MDEC (tidak termasuk pelabur modal teroka, pengendali pasaran berdaftar seperti Equity Crowdfunding, (ECF)).
7.	Jika syarikat sebelum ini telah menerima sebarang geran MDEC/kerajaan, pemohon mesti: a) Mengemukakan bukti projek telah diselesaikan dan b) Mengisytiharkan sebarang notis ketidakpatuhan/pelanggaran yang direkodkan dalam tempoh projek yang dibiayai.
8.	Bukan penyiar, rangkaian televisyen, platform OTT (over-the top) dan syarikat media.
9.	Perniagaan syarikat ialah perkhidmatan berkaitan teknologi.

Apakah perbelanjaan yang layak?

PERBELANJAAN YANG LAYAK

- Tenaga Kerja
- Perisian & Perkakasan
- Penyumberan Luar
- Eksploitasi IP & Pemasaran Digital: Kos - kos yang berkaitan dengan aktiviti – aktiviti Eksploitasi IP & Pemasaran Digital.

PERBELANJAAN YANG TIDAK LAYAK

- Sebarang bentuk cukai
- Perbelanjaan operasi syarikat seperti utiliti (bil telefon, elektrik), percetakan, penyewaan pejabat, alat tulis, bayaran kesetiausahaan, bayaran audit
- Perbelanjaan perjalanan termasuk mileage, makanan, minuman dan penginapan



- o Perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan projek

Bagaimanakah cara untuk memohon geran ini?

MDEC akan mempromosikan Geran Kandungan Digital PRISMA (DCG PRISMA) di laman web korporat MDEC dan platform media sosial dengan pautan ke borang permohonan dalam talian.

- Syarikat yang berminat boleh melayari laman web DCG PRISMA untuk maklumat lanjut
- Daftar dan isi borang di Platform MDEC (#SayaDigital)
- Muat turun borang permohonan daripada Platform MDEC (#SayaDigital)
- Pemohon untuk melengkapkan borang permohonan DCG PRISMA dan menyerahkan borang permohonan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang diperlukan dan memuat naiknya ke Platform MDEC (#SayaDigital)

What is the breakdown of the disbursement of the grant?

Apakah pecahan pembayaran geran ini?

Skop Projek	Jenis Geran	
	Pembangunan & Produksi	Eksploitasi IP & Pemasaran Digital
Animasi/Media Interaktif/ Permainan Digital	Peringkat Pembangunan 50% daripada jumlah yang diluluskan Dokumen reka bentuk projek seperti ; - Jalan cerita dan draf skrip atau dokumen reka bentuk ; dan - Reka bentuk Latarbelakang atau reka bentuk konsep ; dan	Peringkat Perancangan 50% daripada jumlah yang diluluskan 6 bulan pelan perancangan eksploitasi dan pemasaran harta intelek.

	<ul style="list-style-type: none">- Perwatakan (reka bentuk, profil, hubungan) atau- Konsep aset seni.	
	<p>Peringkat Produksi & Akhir</p> <p>50% daripada jumlah yang diluluskan</p> <p>(1) Projek Akhir</p> <ul style="list-style-type: none">-Filem Animasi Pendek atau Episod Pilot atau Treler Sizzle atau Kandungan Pesanan Khidmat Awam (PSA) lengkap atau/dan;-Permainan Digital atau Media Interaktif lengkap (Demonstrasi atau Prototaip) atau/dan;-Komik Digital atau Komik Bergerak lengkap (Minimum 44 halaman atau 264 jalur komik digital) dan; <p>(2) Laporan Akhir Projek ; dan</p> <p>(3) Penyata perbelanjaan disokong dengan bukti pembayaran yang berkaitan dengan semua kos yang dibenarkan ditanggung untuk projek dan dituntut di bawah geran.</p>	<p>Peringkat Produksi & Akhir</p> <p>50% daripada jumlah yang diluluskan</p> <p>(1) Kandungan dokumentasi aktiviti eksploitasi IP dan pemasaran dan;</p> <p>(2) Laporan projek mengandungi daripada aktiviti eksploitasi IP dan pemasaran dan;</p> <p>(3) Penyata perbelanjaan disokong dengan bukti pembayaran yang berkaitan dengan semua kos yang dibenarkan ditanggung untuk projek dan dituntut di bawah geran.</p>

Apakah proses selepas penyerahan?

MDEC mengesahkan permohonan berdasarkan kriteria kelayakan dan akan memberitahu pemohon melalui e-mel.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan permohonan itu, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan MSC Malaysia kami di 1-800-88-8338 atau clie@mdec.com.my



Bilakah saya akan tahu keputusan permohonan saya? Bagaimanakah saya akan diberitahu?

MDEC akan memaklumkan penerimaan penyerahan lengkap dari segi borang permohonan dan dokumen sokongan.

MDEC mengesahkan permohonan berdasarkan kriteria kelayakan dan akan memberitahu pemohon melalui e-mel untuk menyertai sesi pitching.

Apakah akibat sekiranya penerima geran tidak menunaikan kewajipan geran?

Geran akan dibatalkan atau ditamatkan jika penerima DCG PRISMA:

- Gagal mengemukakan tuntutan untuk pembayaran mengikut tarikh akhir yang ditetapkan atau selepas tamat tempoh ketersediaan yang ditetapkan untuk insentif;
- Gagal menghantar mana-mana penghantaran yang dinyatakan dalam terma & syarat yang dikeluarkan oleh MDEC; atau
- Gagal memenuhi mana-mana kriteria kelayakan atas apa-apa sebab sekalipun dalam tempoh ketersediaan yang ditetapkan untuk insentif yang akan bermula dari tarikh terma & syarat yang dikeluarkan oleh MDEC; dan/atau
- Gagal melaksanakan atau mematuhi atau melakukan pelanggaran ke atas mana-mana kewajipan yang dinyatakan dalam terma & syarat yang dikeluarkan oleh MDEC.

Apakah akibat sekiranya geran tersebut dibatalkan atau ditamatkan?

Sekiranya berlaku pelanggaran dan/atau insentif dibatalkan atau ditamatkan, Pemohon:

- Mungkin tertakluk kepada pembayaran semula (clawback) pada jumlah yang telah dikeluarkan atau jumlah lain yang lebih kecil seperti yang ditentukan oleh MDEC; dan/atau
- MDEC mempunyai hak untuk menyenaraihitamkan Pemohon.